

# Belum ada rakyat kita mati sebab lapar - Mahathir

Oleh SAAD TAIB

JITRA (Kedah), Khamis.  
**M**ENTERI Pelajaran, Dr. Mahathir bin Mohamad, yang juga Ahli Parlimen Kawasan Kubang Pasu, telah mengadakan lawatan dan menemui penduduk-penduduk di beberapa buah kampung dalam Mukim Malau, baru-baru ini.

Lawatan tersebut adalah bagi kali pertama selepas bulan Ramadan yang dilakukan oleh beliau di Sekolah Kebangsaan Malau, 5 batu dari sini.

Turut hadir pada hari itu ialah Pengarah Pela-

jaran Kedah, Encik Jumaat bin Haji Mohd. Noor, Pegawai Daerah Kubang Pasu, Encik Tajuddin bin Haji Hashim, pemimpin - pemimpin parti dan beberapa orang pegawai kerajaan.

Sebelum berucap, beliau telah memeriksa satu perbarisan terdiri dari anggota - anggota Pergerakan Pemuda UMNO, cawangan yang berhampiran.

Perbarisan tersebut diketuai oleh Encik Awang Abdullah bin Haji Ahmad.

## Kemudahan

Dalam ucapannya Dr. Mahathir menyebut tentang banyaknya kemudahan-kemudahan yang telah dinikmati oleh penduduk-penduduk di negara ini sejak merdeka.

"Kemudahan tersebut dilaksanakan adalah hasil dari usaha kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk memberi faedah kepada mereka," katanya.

Beliau menambah, proses pembangunan adalah dijalankan dengan secara beransur-ansur, di mana sekarang

ini terdapat kemajuan dan perubahan - perubahan yang telah dilakukan.

Katanya lagi, inflasi bukan berlaku di negara kita sahaja, malah seluruh dunia, begitu juga tentang kenaikan harga gula sekarang.

Di negara lain, walaupun harga gula lebih rendah dari negara kita, tidak banyak usaha-pembangunan dijalankan untuk memajukan rakyat.

## Menolong

Dr. Mahathir menambah, sungguhpun negara kita menghadapi juga kenaikan harga barang-barang keperluan, namun demikian belum ada rakyat yang mati disebabkan kelaparan.

Kerajaan tidak akan berdiam diri untuk terus menolong rakyat dalam kesusahan dengan mengadakan Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat yang bertugas untuk mengetahui perkara itu.

Menurut beliau, dalam masa negara menghadapi banjir, kerajaan menggunakan kapal terbang, helikopter dan lori-lori untuk membawa makanan kepada rakyat.

Ini adalah untuk menjamin supaya mangsa-mangsa banjir tidak mati kelaparan, kata beliau.

Selepas majlis itu diadakan, Dr. Mahathir telah menerima sebuah cenderamata berupa ukiran ayat quran dari Ketua UMNO, Cawangan Malau, Haji Ahmad bin Hussain.